

14/12/2001

Selangor mahu kondom dijual secara tertutup

Minarni Mat Saad

SHAH ALAM, Khamis - Kerajaan negeri tidak berhasrat untuk melarang penjualan kondom di Selangor sebaliknya hanya mencadangkan supaya ia dijual secara tertutup dan tersorok.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo, berkata kenyataan beliau sebelum ini yang menyokong cadangan melarang penjualan kondom secara terbuka mendapat pelbagai reaksi, termasuk daripada pertubuhan bukan kerajaan dan pemimpin politik yang tidak bersetuju dengan cadangan itu.

Beliau beliau berharap kenyataannya itu tidak disalahtafsirkan sebagai larangan menjual kondom sebaliknya ia adalah hanya sekadar tidak membenarkan kondom dijual secara terbuka di kaunter.

"Sepatutnya ia diletakkan di tempat yang tersorok dan bukan di kaunter yang terdedah kepada pandangan kanak-kanak apatah lagi ditempatkan sebelah dengan gula-gula dan makanan ringan dengan bungkusannya yang berwarna-warni sehingga mengelirukan anak-anak kita.

"Bayangkan apabila kita hendak membayar di kaunter anak menyuruh ayahnya membeli kondom yang disangkakan gula-gula... bila kita melarang mereka menangis... bukannya ini menimbulkan masalah kepada ibu bapa," katanya.

Sehubungan itu, beliau berkata, kondom sepatutnya dijual di tempat khas dan penjualannya hanya boleh dibenarkan kepada orang dewasa saja.

"Kita tidak berhasrat melarang penjualan kondom kerana ia benda baik, bersih dan selamat tetapi perlulah diletakkan pada tempat sesuai. Saya harap penjelasan ini dapat menjernihkan suasana kerana ada pihak yang tersalah anggap," katanya.

Dr Mohamad Khir baru-baru ini mengeluarkan kenyataan menyokong cadangan Majlis Belia Selangor (MBS) yang meminta supaya kerajaan negeri melarang penjualan kondom secara terbuka bagi mengelak generasi muda memperolehnya secara berleluasa kerana dikhuatiri mendorong seks bebas.

Cadangan itu mendapat reaksi daripada Presiden Majlis Aids Malaysia (MAM), Datin Paduka Marina Mahathir, yang berkata halangan penjualan kondom secara terbuka tidak terbukti dapat menangani gejala seks bebas di kalangan remaja atau mengurangkan kes HIV/Aids malah mengundang lebih banyak masalah seperti pembuangan anak dan peningkatan penyakit kelamin lain.

(END)